

Ruj. Kami : MQA 07/Jld. 3 (84)

Tarikh : 4 Mac 2013

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan,

PEKELILING MQA BIL. 1/2013 – PENGGUNAAN STANDARD IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama panel pakar telah membangunkan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran yang akan menjadi panduan kepada PPT dalam penawaran program ijazah sarjana dan kedoktoran di institusi masing-masing serta digunakan oleh semua pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian program. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan dokumen standard ini akan dapat memastikan keseragaman kualiti minimum graduan yang mengikuti program ijazah sarjana dan kedoktoran di Malaysia pada masa hadapan.

3. Untuk makluman, dokumen standard ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus program ijazah sarjana dan kedoktoran manakala standard program menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus disiplin tertentu. Sehubungan dengan itu, semua PPT yang menawarkan program ijazah sarjana dan kedoktoran adalah tertakluk kepada penggunaan dokumen standard ini dan juga dokumen standard program dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi. **Sekiranya terdapat perbezaan antara standard ini dengan standard program, maka standard yang lebih tinggi akan terpakai.**

4. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti butiran berikut:


BIL	TARIKH	PERKARA
1.	01 April 2013 sehingga 31 Mac 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 April 2013	<ul style="list-style-type: none">• Semua program baru yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.• Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.• Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 April 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia dikeluarkan. Untuk makluman juga, dokumen standard ini boleh dimuat turun di laman web MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' DR SYED AHMAD HUSSEIN)

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044

No. Faks : 03-79569496

Emel : syedahmad@mqa.gov.my

s.k.

1. Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

3. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

4. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

5. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA